



DOA PENUTUP:

Jemput seorang ahli KED untuk melafazkan doa penutup.

Hari ini kita berdoa untuk semua keluarga yang merasa terbeban; mereka yang tidak mampu menghadapi tekanan dan tuntutan kehidupan seharian, mereka yang bermasalah dan merasa tidak ada harapan. Tuhan, sertailah mereka, bawa penghiburan dan ketenangan fikiran, hati dan roh mereka. Beri mereka harapan, damai dan rehat. Bantu mereka untuk tetap setia sebagai sebuah keluarga. Amin

LAGU PENUTUP:

Ratu Bonda Maria

Maria, Ratu, bernyanyilah
Maria, Bonda, percayalah
Maria bintang yang bersinar
Memimpin jalan pada Yesus
Maria lambang pada bangsa
Dengan kuasa Roh yang bertakhta
Menjadi bonda pada Tuhan
Allah yang dikasihnya

Ave, Ave, Ave Maria
Ave, Ave, Ave Maria

KED Renungan

HARAPAN PERCAYA, HIDUP dan MEMBERI

Kebersamaan Dalam Keadaan Baik dan Tidak Baik

ACARAT: **Hari Keluarga Antarabangsa**

TREN MEDIA SOSIAL: **#theyaintheivy**

PENGENALAN:

Pada tahun 1993, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyatakan 15 Mei sebagai "Hari Keluarga Antarabangsa". Hari istimewa ini pertama kali disambut pada 15 Mei 1994. Ia diraikan untuk menghormati kepentingan keluarga. Keluarga adalah asas masyarakat. Tahun-tahun pembentukan kita diluankankan bersama keluarga dan ahli keluarga kita mungkin menjadi orang terpenting dalam hidup kita. Oleh itu, mereka harus diraikan. Marilah kita meluankan masa pada bulan ini untuk mencari jalan untuk melindungi dan meraikan unit keluarga di masyarakat kita bermula di rumah dengan keluarga kita sendiri.

(Dari: United Nations Message for Day of Families – May 15 2012)



DOA PEMBUKAAN:

Jemput seorang ahli KED untuk mengatakan doa pembukaan.

Bapa Surgawi, sambil kami memperingati "Hari Keluarga Antarabangsa", perkenankan agar semua keluarga dapat menjadi sumber kehidupan dan cinta sejati. Perkenankan agar rahmat-Mu dapat menuntun pemikiran dan tindakan orang-orang yang dipanggil untuk hidup berkahwin dan menjadi orang tua, sehingga mereka dapat bekerja untuk kebaikan keluarga mereka dan semua keluarga di dunia.

LAGU PEMBUKAAN:

Hidup Ini Suatu Perjalanan

Hidup ini satu perjalanan
Di penghujungnya ada kekekalan
Yang bagi manusia jadi akhir tujuan
Surga atau kecewa
Hidup ini lembaran waktu
Harus kita isi dengan kebenaran
Keluarga Allah saling terbuka tanpa rasa
Takut untuk terluka

Chorus:

**Jadi ker'na dalam Kristus ada nasihat
Ada penghiburan kasih,
ada persekutuan Roh
Ada kasih mesra dan belas kasihan
Sempurnalah sukacita kita
Sehati, sefikir dalam satu kasih
Satu jiwa, satu tujuan
Untuk kemuliaan Allah Bapa kita**

DIALOG:

Thomas dan Eli, yang telah berkahwin selama lebih dari lapan dekad sekarang tinggal di Kerala, India. Mereka berkahwin pada tahun 1932, menjadikan mereka pasangan suami isteri paling lama di India setelah 83 tahun berkahwin. Menurut mereka, ada dua kata untuk hidup berkahwin yang berjaya - cinta dan toleransi. Ibu bapa kepada lapan anak, pasangan itu, juga mempunyai 18 cucu dan 14 cicit. Mereka menyambut ulang tahun perkahwinan mereka yang ke-83 pada 31 Januari 2015 di kampung halaman mereka, Thodupuzha, di daerah Idukki.

Dilahirkan dalam keluarga yang tinggal di sebuah kampung kecil di mana pertanian menjadi sumber pendapatan, mengikut kebiasaan pada masa itu Thomas berkahwin pada usia 18 tahun. Eli, yang juga dilahirkan di daerah yang sama, baru berusia 15 tahun di masa perkahwinan. Semasa pertemuan pertama mereka, iaitu upacara pertunangan, ketika Thomas menatap isterinya Eli, itu adalah salah satu saat paling bahagia dalam hidupnya. Upacara perkahwinan mereka adalah majlis yang sederhana. Foto pertama yang mereka ada ialah setelah mereka menjadi ibu bapa kepada empat orang anak.

Tidak semuanya mudah bagi pasangan ini. Setiap perkahwinan ada pasang surutnya, dan begitu juga untuk mereka. Pasangan ini dalam kehidupan berkahwin mereka telah menderita sama seperti yang mereka raikan. Mereka bukan sahaja kehilangan anak pertama mereka, tetapi keadaan kewangan mereka yang teruk menjadikan hidup lebih sukar. Itu adalah perjuangan yang nyata tetapi mereka berjaya mengharunginya bersama.

"Kami berdua bekerja keras dan sekarang kami gembira", kata Thomas. Tetapi ketika ditanya apakah dia pernah merasa bosan pada mana-mana saat hubungan itu, dia terkejut. 'Bagaimana anda bosan? Tidak pernah pada suatu ketika saya merasa begitu'. Salah seorang anak lelaki mereka, James, juga bersetuju bahawa pasangan itu adalah pasangan yang sempurna dan juga ibu bapa yang hebat.

(Sumber: The News Minute, 26 Januari, 2015)



Kongsikan pendapat dengan para anggota KED anda.

- Apa pendapat anda mengenai rahsia kehidupan perkahwinan yang bahagia dan berjaya?
- Apakah beberapa cabaran utama yang dihadapi keluarga sekarang?
- Apakah cara keluarga dapat terus bersatu dalam masa baik dan duka?

PENDALAMAN:

Galatia 6: 2 – 5

Pikul beban masing-masing dan penuhi hukum Kristus. Sekiranya ada yang menganggap dirinya hebat, padahal sebenarnya dia tidak punya apa-apa, dia menipu dirinya sendiri. Biarlah masing-masing memeriksa tingkah lakunya sendiri dan dia tidak boleh bermegah di hadapan orang lain, akan tetapi akan bersemangat untuk kemajuannya sendiri. Setiap orang akan menjawab perbuatannya sendiri.

RENUNGAN:

- Baca teks dengan suara yang kedengaran dan DENGAR dengan penuh keterbukaan.
- Baca dengan hening sendirian sehingga kamu menjumpai perkataan atau ayat yang menyentuh hatimu.
- Apakah yang dibisikkan oleh Roh Kudus melalui perkataan atau ayat tersebut?
- Apakah bicara kamu kepada Tuhan sebagai balasan kepada Firman-Nya?
- Kongsikan di dalam kumpulan kecil (3-4 orang).

TINDAKAN:

- Untuk pasangan yang sudah berkahwin: Tulis sepucuk surat kepada pasangan anda, mengucapkan terima kasih atas kasih, kesabaran dan pemahaman kepada anda dalam masa baik dan duka.
- Untuk ibu bapa: Tulis surat pendek kepada setiap anak, berterima kasih kepadanya kerana menjadi sebahagian daripada keluarga dan kerana berada di sana untuk satu sama lain dalam masa baik dan duka.
- Untuk anak-anak: Tulis sepucuk surat kepada ibu bapa anda, mengucapkan terima kasih atas kasih sayang dan pengorbanan mereka, dan atas bimbingan mereka di masa-masa baik dan duka.

DOA PERMOHONAN:

Allah Bapa telah menghimpunkan umatNya dengan perantaraan Kristus. Marilah kita dengan hati gembira berdoa:

U: Utuslah Roh kudus kepada umatMu, ya Tuhan.

Semua orang yang percaya kepada Kristus hendak Kausatukan dalam Roh kudus berdasarkan pembaptisan yang satu dan sama, semoga orang beriman menjadi sehati sejiwa dalam Engkau. **U**

Engkau memenuhi segenap muka bumi dengan Roh Mu, semoga kami sanggup membangun suatu dunia yang adil dan damai. **U**

Tuhan Allah, Bapa semua orang, Engkau hendak menghimpun putera-puteraMu yang tercerai-berai menjadi satu dalam iman yang sama, terangilah dunia kami dengan cahaya Roh kudus. **U**

Engkau membaharui segalanya dalam Roh kudus, sembuhkanlah yang sakit, hiburkanlah yang berduka, limpahkanlah belaskasihanMu kepada semua orang. **U**

Engkau membangkitkan PuteraMu dari Alam maut dengan kekuatan Roh kudus, hidupkanlah kembali tubuh semua orang mati bagi kehidupan kekal. **U**

DOA PENUTUP:

Allah yang membaharui segala sesuatu, pada hari raya ini Engkau menguduskan umatMu di semua negara dan bangsa. Semoga mukjizat Pentekosta yang Kauadakan pada awal Gereja, kini Kaukerjakan juga dalam diri kami.

Demi Yesus Kristus, PuteraMu dan pengantara kami, yang hidup dan berkuasa bersama Engkau, dalam persekutuan roh kudus sepanjang segala masa. Amin.

P: Saudara Sekalian, dengan ini ibadat sudah selesai, Alleluya, Alleluya.

U: Syukur kepada Allah, Alleluya, Alleluya.

Semoga Tuhan memberkati kita, melindungi kita terhadap dosa dan menghantar kita ke hidup kekal. Amin.



BAPA KAMI

Bapa kami yang ada di syurga dimuliakanlah namaMu.

Datanglah kerajaanMu

Jadilah kehendakMu

diatas bumi seperti didalam syurga.

Berilah kami rezeki pada hari ini dan ampunilah kesalahan kami

seperti kami pun mengampuni yang bersalah kepada kami.

Dan janganlah masukkan kami kedalam percubaan

tetapi bebaskanlah kami dari yang jahat.

Ibadat Harian

PENDAHULUAN

P - Ya Allah, bersegeralah menolong aku

U - Tuhan, perhatikanlah hambaMu

Kemuliaan kepada Bapa...

HARI RAYA PENTEKOSTA

IBADAT SENJA

Roh Allah

(Spirit of The Living God)

Roh Allah yang hidup,
turun atasku

Roh Allah yang hidup,
turun atasku

Leburlah, bentuklah,
pakailah aku

Roh Allah yang hidup,
turun atasku

Roh Allah yang hidup,
turun atas kami

Roh Allah yang hidup,
turun atas kami

Leburlah, bentuklah,
pakailah kami

Roh Allah yang hidup,
turun atas kami



Ant. 1: Pada hari Pentekosta semua murid Yesus berkumpul di satu tempat, Alleluya

MAZMUR 109 (110)

Tuhan berfirman kepada baginda: “ Duduklah di sisi kananKu, sampai musuh-musuhmu Ku jadikan tungpuan kakimu.”

Tuhan meluaskan kekuasaan baginda dari kediamannya di Sion: “ Berkuasalah atas para musuh. Engkau berkuasa sejak kelahiranmu, diatas gunung yang suci, sejak engkau terkandung, sejak fajar masa mudamu.”

Tuhan telah bersumpah dan tidak menyesal: “Engkau imam seperti Melkisedek, untuk selama-lamanya.”

Tuhan mendampingi baginda, pada hari kemurkaannya raja-raja dihancurkanNya. Tuhan menyertai baginda dalam segala usaha, agar baginda berlangkah maju dengan gagah perkasa.

Kemuliaan kepada Bapa ...

Ant.: Pada hari Pentekosta semua murid Yesus berkumpul di satu tempat, Alleluya

Ant. 2: Tampaklah kepada para rasul lidah-lidah yang menyerupai api dan hinggap di atas mereka masing-masing, Alleluya

MAZMUR 113A (114)

Ketika Israel keluar dari Mesir, keluarga Yakub dari bangsa asing, maka Yehuda menjadi wilayah Tuhan, Israel daerah kekuasaanNya.

Laut melihat, lalu menyingkir, sungai Yordan berbalik ke hulu. Gunung melompat bagaikan kijang dan bukit laksana anakdomba.

Ada apa, hai laut, sehingga menyingkir, hai Yordan, sehingga berbalik ke hulu? Hai gunung, mengapa melompat bagaikan kijang, hai bukit, mengapa laksana anakdomba.

Gementarlah, hai bumi, di hadapan Tuhan, di hadirat Allah, Yakub. Ia mengubah wadas menjadi danau dan batu menjadi mata air.

Kemuliaan kepada Bapa ...

Ant.: Tampaklah kepada para rasul lidah-lidah yang menyerupai api dan hinggap di atas mereka masing-masing, Alleluya.

Ant. 3: Roh yang ke luar dari Bapa, akan memuliakan Daku, Alleluya.

KIDUNG – Why 19, 1-7

Alleluya.
Pokok keselamatan, kemuliaan dan kekuasaan ialah Allah kita, karena benar dan adillah segala keputusanNya.
Alleluya.

Alleluya.
Pujilah allah kita, hai sekalian hambaNya, semua yang takwa, baik kecil maupun besar.
Alleluya.

Alleluya.
Sebab Tuhan, Allah kita yang mahakuasa, Sudah menjadi raja. Alleluya.

Alleluya.
Marilah kita bersukacita dan bersorak-sorai, marilah kita memuliakan Tuhan. Alleluya.

Alleluya.
Hari pernikahan Anakdomba telah tiba, dan mempelainya sudah siap berhias.
Alleluya

Kemuliaan kepada Bapa ...

Ant.: Roh yang ke luar dari Bapa, akan memuliakan Daku, Alleluya.

BACAAN SINGKAT: Ef 4, 3-6

Berusalahlah senantiasa memelihara kesatuan Roh dalam ikatan damai. Satu tubuh dan satu Roh, seperti kamu telah dipanggil kepada satu pengharapan yang terkandung dalam panggilanmu. Satu Tuhan, satu iman, satu pembaptisan. Satu Allah dan Bapa kita sekalian yang mengatasi semua, menyertai semua dan menjiwai kita semua.

LAGU SINGKAT

P: Roh Tuhan memenuhi seluruh dunia, Alleluya, Alleluya.

U: Roh Tuhan memenuhi seluruh dunia, Alleluya, Alleluya.

P: Ia menyatukan segala sesuatu.

U: Roh Tuhan memenuhi seluruh dunia, Alleluya, Alleluya.

P: Kemuliaan kepada ...

U: Roh Tuhan memenuhi seluruh dunia, Alleluya, Alleluya.

KIDUNG MARIA



Ant: Hari ini tibalah Pentekosta, Alleluya. Hari ini Roh kudus tampak kepada para rasul dalam rupa api dan membagikan anugerah kepada mereka. Hari ini Roh kudus mengutus para rasul ke seluruh dunia untukewartakan Injil dan memberi kesaksian. Barang siapa percaya dan dibaptis, akan selamat, Alleluya.

"Hatiku bersyukur kepada Tuhan; jiwaku bersukacita kerana Allah, Juruselamatku, sebab Dia ingat akan daku, hambanya yang hina!
Mulai dari sekarang sekalian orang akan mengatakan aku berbahagia, kerana perbuatan yang besar yang Allah Maha Kuasa telah lakukan atas diriku.

Kudus namanya; Dia menyatakan rahmatnya kepada orang yang takut akan dia, dari satu keturunan sampai keturunan yang lain. Dengan tangannya yang berkuasa Dia menceraiberaikan mereka yang sombong, serta segala rancangan mereka. Dia menurunkan raja-raja dari takhta mereka, dan meninggikan orang-orang hina.

Dia mengenyangkan orang-orang yang lapar dengan makanan-makanan yang baik, dan orang-orang kaya disuruhnya pergi dengan hampa.

Dia memenuhi perjanjian yang dibuatnya kepada nenek-moyang kita; Dia datang menyelamatkan hambanya Israel; Dia ingat menunjukkan rahmatnya kepada Ibrahim dan kepada segenap keturunannya hingga kekal!"

Kemuliaan kepada Bapa...

Ant: Hari ini tibalah Pentekosta, Alleluya. Hari ini Roh kudus tampak kepada para rasul dalam rupa api dan membagikan anugerah kepada mereka. Hari ini Roh kudus mengutus para rasul ke seluruh dunia untukewartakan Injil dan memberi kesaksian. Barang siapa percaya dan dibaptis, akan selamat, Alleluya.

